

23/05/1999

Ada yang tersirat dalam rombakan Kabinet

PADA mulanya Kiau teringat hendak bercakap sedikit mengenai tanah runtuh di Hulu Kelang Sabtu lalu. Maklumlah ini kejadian besar yang membabitkan berpuluh ribu orang.

Tapi apabila Kiau fikir-fikir, Kiau rasa tak perlu lagi kita cakap banyak mengenai kejadian seperti ini. Orang pun dah jemu. Dah banyak sangat cakap kosong dan janji yang tidak ditunaikan.

Selagi kerajaan negeri terus berdegil dan bermegah dengan hak dan kuasa mereka ke atas tanah, selagi itulah undang-undang alam sekitar tidak berkesan.

Jadi yang Kiau nak bercakap banyak sedikit minggu ini ialah mengenai rombakan Kabinet Khamis lalu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rombakan itu untuk memperkukuhkan kerajaan dan mengisi kekosongan.

Kekosongan berlaku apabila Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik meletakkan jawatan.

Anggota Kabinet ketiga yang meletak jawatan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Chong Kah Kiat yang mengundurkan diri kerana bertanding dalam pilihan raya Sabah Mac lalu.

Dr Mahathir memberitahu wartawan kedua-dua Menteri Umno itu mengemukakan surat peletakan jawatan dua minggu lalu tanpa memberi sebarang alasan.

Walaupun Perdana Menteri berkata beliau puas hati dengan sumbangan mereka, Kiau rasa tentu ada sesuatu yang lain yang menyebabkan Dr Mahathir memperluaskan rombakan Kabinetnya.

Kalau sekadar mengisi kekosongan, Perdana Menteri perlu isi satu jawatan saja, iaitu yang dikosongkan oleh Chong dan menolak peletakan jawatan Mohamed dan Sabbaruddin.

Disebabkan itu, Kiau percaya Dr Mahathir ada sebab lain merombak Kabinet, khasnya dengan membawa balik Menteri Besar Pahang, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, ke Pusat.

Ini bukan perkara biasa atau mudah. Boleh dikatakan tidak pernah Menteri Besar atau Ketua Menteri ditarik ke Pusat di tengah penggal.

Kiau percaya ada sesuatu yang tidak kena atau kurang memuaskan yang menyebabkan Perdana Menteri membuat rombakan yang lebih besar itu.

Apatah lagi pemimpin negeri yang dibawa ke Pusat itu diberikan pula jawatan Setiausaha Agung Umno yang cukup penting itu.

Banyak orang tentu mendengar desas-desus mengenai ketidakpuasan terhadap prestasi Kementerian Penerangan di dalam menangani krisis ekonomi dan politik yang melanda negara.

Ada surat kepada akhbar yang mempertikaikan pangkalan Internet Kementerian Penerangan 'Cetusan Rasa' yang bertujuan membolehkan anggota masyarakat yang menyokong kerajaan dan cintakan negara menyuarakan pendapat. Khabarnya disebabkan kurang pengawasan, pangkalan itu 'dilarikan' oleh penentang kerajaan.

Turut kedengaran ialah rungutan bahawa tidak perlulah Mohamed mempersoalkan keturunan presiden Parti Keadilan Nasional Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail.

Rungutan turut kedengaran mengenai Ibu Pejabat Umno yang sepatutnya lebih hebat mempertahankan parti daripada fitnah dan propaganda pembangkang.

Ada pendapat menyatakan Ibu Pejabat Umno tidak cukup berkesan memerangi

kempen terhadap parti dan pemimpinnya.

Maka Kiau rasa tugas Khalil sangatlah berat. Begitu juga dengan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir yang mengambil alih Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ketika kedatangan pelancong dan hasil daripada pelancongan sedang merosot.

Dengan cakap-cakap pilihan raya semakin hampir, Kiau rasa rombakan Kabinet kali ini mungkin yang terakhir dan terpenting. Maka yang dilantik itu kenalah bekerja kuat manakala yang lain memantapkan lagi sumbangan mereka.

(END)